



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perlis
Kampus Arau

Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:
2022

Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor
UiTM Cawangan Perlis Bagi
Tahun 2022

Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama
Bersama Korea Sports Promotion Foundation
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi
Kepakaran Kepada Komuniti
Orang Asli Melalui ESKOM
2022



Majlis Menandatangani Memorandum
Perjanjian (MoA) Antara Universiti
Teknologi MARA (UiTM) Dengan
Universitas Gajah Mada (UGM)
Indonesia

PERKONGSIAN STRATEGIK PINTAR KE ARAH MELESTARIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI

Oleh:
Eliy Nazira Mat Nazir
Shahrir Aizat Kamaruddin

Langkawi, 24 September 2022 - Kem Didik Aspirasi (K.I.D.S) merupakan sebuah program perkongsian strategik pintar (*Smart Strategic Partnerships*) antara UiTM Cawangan Perlis, Yayasan Didik Negara dan Kayaking Malaysia telah diadakan selama 3 hari bertempat di Stesen Penyelidikan Marin (MARES), UiTM Cawangan Perlis di Pulau Tuba, Langkawi.

Program yang disertai 100 orang pelajar dari SMK Langkawi dan SMK Putrajaya ini dilihat dapat membantu mereka dalam membina keyakinan diri di samping memupuk semangat kerjasama serta dapat membentuk jati diri pelajar yang seimbang dari segi intelek, rohani dan emosi. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah *Marine Conservation Talk*, *Jungle Trekking* & *Ikhtiar Hidup*, *Mini Ekspidisi Kayak & Abseiling* dan *Refleksi Diri*.

UiTM Cawangan Perlis amat mengalu-alukan segala bentuk program kerjasama strategik bersama pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memenuhi aspirasi negara ke arah melestarikan pendidikan berkualiti.

YBhg Puan Norazura Tadzim, Setiausaha Sulit Kanan Yang Berhormat Menteri Pendidikan mewakili Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Radzi Bin Md Jidin hadir bagi menyempurnakan majlis penutup program. Turut hadir adalah Puan Rohaida Abd Manaf Pegawai Khas YB Menteri Pendidikan; Tuan Sabri Bin Osman, Timbalan Pengarah Pendidikan Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah; Tuan Haji Mohamad Kamal Bin Hashim, Timbalan Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi (Perancangan); Dr Rosman Bin Karim, Ketua Latihan dan Pembangunan Kayaking Malaysia; Dr Shelly Elina Bt Shahrudin, wakil Yayasan Didik serta wakil-wakil SMK Putrajaya dan SMK Pulau Tuba, manakala Professor Dr Mohd Azlan Mohd Ishak hadir bagi mewakili YBhg Rektor UiTM Cawangan Perlis.

